

# PERANAN AHLI KARIAH MASJID DALAM MENGIMARAHKAN AKTIVITI-AKTIVITI MASJID: SATU KAJIAN DI MASJID TAMAN BUKIT BENDERA, MENTAKAB, PAHANG DARUL MAKMUR

Aiman Danial Muhyiddin & Azriana Ridouan

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

## Abstrak

*Kajian ini bertujuan menganalisis peranan ahli kariah masjid dalam penglibatan aktiviti mengimarahkan masjid di Masjid Taman Bukit Bendera, Mentakab Pahang Darul Makmur. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmana peranan ahli kariah masjid yang menganggap pengimarahkan masjid ini bukan hanya terbatas kepada tempat beribadah dan mendirikan solat jemaah sahaja. Oleh itu, kajian ini dilakukan menggunakan kajian lapangan yang mana konsep yang digunakan adalah melalui soal selidik terhadap 60 orang responden yang terdiri daripada 34 orang responden lelaki dan 26 orang responden perempuan. Pengkaji juga menggunakan kaedah analisa dokumen seperti jadual aktiviti masjid dan temu bual bersama ahli pengurusan Masjid Taman Bukit Bendera, Mentakab Pahang Darul Makmur. Bagi mengumpulkan kajian data dan maklumat yang diperlukan, kajian ini terbahagi kepada dua iaitu kajian lapangan dan kajian perpustakaan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa peranan ahli kariah masjid dalam melakukan aktiviti mengimarahkan masjid, pengurusan masjid serta penceramah agama, keseluruhannya adalah baik dan memuaskan.*

**Kata Kunci:** *Fungsi Masjid, Peranan Ahli Kariah, Pengimarahkan Masjid*

## Perkembangan Artikel

Diterima: 4/6/2020

Disemak: 20/11/2020

Diterbitkan: 15/12/2020

## Penulis Utama:

Aiman Danial  
Muhyiddin  
Jabatan Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Kolej Universiti Islam  
Pahang Sultan Ahmad  
Shah (KUIPSAS),  
Kuantan, Pahang,  
Malaysia

## E-mel:

[mattdonnn06@gmail.com](mailto:mattdonnn06@gmail.com)

## PENGENALAN

Masjid merupakan sebuah institusi yang amat penting dalam pembangunan modal Islam dan umatnya. Pada pandangan Nik Mohd Azmi Nik Daud (2019), antara perkara pertama yang dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W selepas berhijrah dari Kota Makkah Al-Mukarammah sehingga ke Yathrib (kini lebih dikenali sebagai Madinah al-Munawarrah) yang mana Nabi S.A.W dan sahabat telah membina sebuah masjid yang diberi nama Masjid Quba'. Pembinaan Masjid ini merupakan medan permulaan bagi tempat ibadah khususnya kepada umat Islam serta pusat penyebaran dakwah Islamiah pada ketika itu.

Namun begitu, peredaran masa dan perubahan zaman menjadikan masyarakat Islam mula memencarkan peranan masjid malah kurang menghayati dan tidak memberi sokongan yang mendalam terhadap apa yang telah disumbangkan oleh masjid dan ahli kariah yang terlibat dalam pengurusan masjid.

Pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal masjid seperti pihak Jabatan Agama Islam Pahang, Majlis Agama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang juga turut merancang dalam mempelbagaikan aktiviti-aktiviti kegiatan di dalam masjid bagi menyedarkan masyarakat Islam demi kepentingan masjid dalam kehidupan. Hal ini kerana, jurang kelemahan dan permasalahan dalam persekitaran di antara masyarakat setempat dan ahli kariah masjid amat jauh sekali. Maka dengan kajian ini, penulis akan menganalisis aktiviti-aktiviti ahli kariah masjid dalam mengimarahkan Masjid Taman Bendera, Mentakab.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Pembinaan masjid di setiap daerah dan setiap mukim perumahan adalah satu langkah produktif dalam memudahkan masyarakat yang beragama Islam untuk menjalani atau melengkapi keperluan amal. Sering kali terdengar pelbagai perbualan di antara komuniti dan ahli kariah masjid atau surau akan berkenaan isu kecenderungan masyarakat setempat dalam mengimarahkan suasana dalam masjid. Antaranya pandangan Mohd Abdul Salam (2019), aktiviti masjid yang dianjurkan oleh ahli kariah masjid dan pegawai-pegawai masjid kurang mendapat sambutan yang menggalakkan oleh masyarakat setempat.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk merungkai secara mendalam dan memperbetulkan permasalahan kajian yang akan membincangkan berkaitan dengan sumbangan masyarakat Islam di Masjid Taman Bendera, Mentakab dalam mengimarahkan masjid dengan melihat beberapa perkara seperti mengenal pasti konsep pengimarahnan masjid dalam tuntutan Islam, mengetahui sejarah perkembangan terhadap pengimarahnan masjid pada zaman Rasulullah s.a.w dan para sahabat serta analisis terhadap beberapa perkara yang berkaitan dengan pengimarahnan masjid di Masjid Taman Bendera.

Jika ahli masyarakat sendiri kurang berminat untuk mengimarahkan masjid, akibatnya banyaklah gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat gagal ditangani dengan baik. Contohnya, pelbagai kejadian yang amat membimbangkan berlaku di hadapan mata kita, mahupun yang didedahkan dalam akhbar. Ia bukan sahaja berlaku dalam kalangan generasi muda dan remaja, malah turut terpalit dalam golongan dewasa. Keruntuhan akhlak semakin hari kelihatan semakin membesar dan serius. Antara punca-punca yang membawa kepada wujudnya gejala ini adalah disebabkan kurangnya didikan agama. Di masjid juga banyak kuliah, ceramah dan forum agama yang diadakan untuk memberi pengetahuan dan kefahaman agama kepada ahli masyarakat. Enam subjek utama yang diajar dalam kelas-kelas agama di masjid seperti Fiqah, Hadis, Tafsir al-Quran, Akidah, Sirah, Akhlak dan Tasawuf.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian adalah:

1. Menjelaskan konsep pengimarahnan masjid menurut tuntutan Islam.
2. Mengenal pasti sejarah perkembangan penglibatan ahli kariah dalam mengimarahkan masjid pada zaman Rasulullah s.a.w dan para sahabat.
3. Menganalisis data penglibatan ahli kariah dalam mengimarahkan masjid di Masjid Taman Bendera, Mentakab, Pahang.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Bagi mengumpulkan data dan maklumat, kajian ini terbahagi kepada dua iaitu kajian lapangan dan kajian perpustakaan. Kaedah kajian yang digunakan adalah menggunakan data-data primer dan data sekunder. Kajian ini dilaksanakan melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada

kariah Masjid Taman Bukit Bendera. Seramai 60 orang responden yang terlibat. Sesi temu bual dengan pengurusan Masjid Taman Bukit Bendera turut dijalankan. Pengkaji juga menganalisis rekod penjadualan kehadiran para jemaah masjid yang menghadiri aktiviti kuliah yang diadakan di Masjid Taman Bukit Bendera, buku-buku dan dokumen yang berkaitan.

### **Penyelidikan lapangan atau empirikal**

Satu kajian lapangan yang memerlukan penyelidik pergi ke lapangan untuk membuat penyelidikan secara langsung menggunakan metode-metode tertentu telah dijalankan. Data yang dikutip adalah data primer yang mempunyai tahap kesahan dan kebolehan kepercayaan yang tinggi.

### **Temu bual**

Metode temu bual telah dijalankan bagi mendapatkan pandangan, cadangan dan komen daripada responden. Penyelidik menggunakan kaedah temu bual berstruktur bagi menjimatkan masa responden. Responden yang ditemu bual adalah terdiri daripada pengurusan Masjid Taman Bukit Bendera dan ahli kariah Masjid Taman Bukit Bendera.

### **Soal Selidik**

Memandangkan kajian ini dilakukan terhadap ahli kariah di Masjid Taman Bukit Bendera sudah tentu ianya menjadi satu populasi yang ramai. Penggunaan kaedah soal selidik ini sebagai langkah pengukuran utama dalam praktikal dan berkesan. Hal ini kerana, kaedah pensampelan digunakan dalam soal selidik untuk menguji populasi yang besar. Dalam soal selidik ini kaedah yang digunakan adalah tinjauan untuk mengukuhkan data kajian. Kaedah ini bersesuaian untuk mengukur pendapat pencapaian serta sikap responden. Untuk mengumpul maklumat kajian, maka satu set borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A menjelaskan maklumat responden dan Bahagian B pula menjelaskan tentang isu berkaitan dengan ahli kariah dalam memahami konsep pengimaranan masjid di Masjid Taman Bukit Bendera. Borang soal selidik ini telah diedarkan kepada seluruh ahli kariah Masjid Taman Bukit Bendera.

### **Pemerhatian**

Penyelidikan ini juga menggunakan kaedah pemerhatian bagi memperoleh maklumat tambahan yang sukar diperoleh melalui metode temu bual. Hal ini kerana, kaedah pemerhatian adalah gambaran pemerhatian melalui kaedah pemerhatian tanpa penyertaan dan kawalan. Dalam kajian ini, pengkaji turut menggunakan kaedah instrumen berbentuk pemborangan atau penjadualan dengan menunjukkan rekod kehadiran kariah masjid di Taman Bukit Bendera, Mentakab dalam melibatkan diri aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pengimaranan masjid yang diadakan oleh pihak petugas masjid.

## **KONSEP MENGIMARAHKAN MASJID DALAM ISLAM**

Kegemilangan Islam suatu ketika dahulu adalah datangnya dari institusi masjid yang dapat melengkapkan segala keperluan hidup manusia di samping menzahirkan kekuatan dan kesepakatan umat Islam. Justeru itu, para sahabat R.A tidak mensia-siakan waktu mereka memakmurkan masjid dengan amal ibadah dan aktiviti yang menguntungkan mereka di dunia maupun di akhirat. Apa yang diperoleh adalah ganjaran yang dijanjikan oleh Allah SWT melalui Rasulullah S.A.W tentang kelebihan dan keistimewaan mereka yang mengutamakan pengimaranan masjid.

Selain itu, seseorang itu perlu mengetahui perbezaan di antara mengurus masjid dengan melaksanakan tuntutan Fardu Ain dan Fardu Kifayah seperti solat, kuliah agama, menguruskan

kematian dan membantu mereka yang memerlukan dan mengimarahkan masjid dengan kaedah yang sepatutnya dilakukan seperti pembinaan dan fungsi masjid di zaman Rasulullah S.A.W sebagai pusat komuniti masyarakat pada zaman tersebut. Kefahaman yang sebenar berkaitan pengimarahkan masjid penting agar masyarakat tidak keliru tentang tuntutan sebenar yang mesti dilakukan, agar ianya seimbang di antara tuntutan spiritual dan material tanpa meletakkan bentuk material sahaja menjadi keutamaan. Justeru itu, fungsi serta konsep dalam pengimarahkan masjid mestilah berperanan sebagai Institusi Islam yang berkembang sejak sekian lama meliputi keseluruhan segala tuntutan ke atas kehidupan manusia pada zaman kini.

### **Definisi Masjid**

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Bahasa, masjid ialah sebagai rumah atau sebuah bangunan yang didirikan sebagai tempat untuk bersembahyang bagi umat Islam. Selain itu, istilah perkataan “Masjid” ditakrifkan berdasarkan pandangan Ibnu Manzur (1990) di dalam kitabnya Lisan ‘Al-Arabi, istilah di mana “masjid” berasal dari perkataan Arab iaitu, “سجد” yang bermaksud telah bersujud, “يَسْجُدُ” maksudnya sedang bersujud dan “سَجَدًا” bermaksud telah sujud dengan meletakkan dahinya ke bumi. Muhammad ‘Abd Allah Al-Zakarshi (1965) di dalam kitabnya Kitab Al-‘Alam al-Sajid bi Ahkam al-Masajid, telah memasukkan awalan huruf “م” menjadikan sebagai nama tempat berbunyi “masjid” iaitu merujuk tempat sujud menyembah Allah SWT.

Masjid secara umumnya diketahui sebagai tempat sembahyang oleh orang-orang Islam kerana dengan mengikuti pergerakan utama terdapat dalam solat adalah dengan sujud. Maksud sujud itu patuh dalam kategorinya yang tinggi sampai kepada tahap pengabdian kepada Allah SWT. Oleh itu, “solat” itu merupakan sebahagian daripada ibadat dengan suatu cara yang dapat melambangkan kepatuhan seseorang Muslim kepada Allah SWT.

Oleh yang demikian, masjid itu membawa maksud tempat umat Islam dalam melakukan aktiviti bagi melambangkan kepatuhan dan pengabdian kepada Allah SWT. Kepatuhan dan pengabdian tidak hanya terikat kepada solat, pengajian ilmu-ilmu Islam, malah merangkumi kepatuhan yang menjadi asbab kepada ketaatan kepada Allah SWT seperti menjana pendapatan ekonomi, merapatkan hubungan sosial dan berpolitik di dalamnya dengan menggunakan kaedah yang dibenarkan oleh hukum syarak.

### **Definisi Imarah**

Perkataan “imarah” berasal dari bahasa Arab iaitu “ عمر ” yang bermaksud “menyeru atau mengajak kepada sesuatu perkara”. Selain itu, “imarah” dalam Kamus Dewan ialah “mengimarahkan, menggerakkan atau menghidupkan suasana di masjid atau surau dengan pelbagai kegiatan berfaedah, biasanya berbentuk keagamaan”. Selain itu, perkataan imarah pula adalah perkataan Arab yang bermaksud memakmurkan, menghidupkan dan membangunkan. Istilah ini sering dikaitkan dengan masjid, iaitu memakmurkan, menghidupkan dan membangunkan masjid.

Menurut pandangan Rashid Redza (2006), bagi memahami maksud memakmurkan masjid, para ilmuwan Islam telah mentafsirkan perkataan imarah terbahagi kepada dua maksud yang berlainan:

1. Imarah membawa maksud membina, memelihara dan memperbaiki masjid sekiranya perlu.
2. Mengunjungi dan melazimkannya dengan melakukan solat secara berjemaah pada hari Jumaat dan melakukan aktiviti-aktiviti yang boleh mengabdikan diri kepada Allah seperti majlis ilmu, zikir, ceramah dan iktikaf untuk mendekatkan masyarakat kepada masjid, dan melakukan apa sahaja yang diperlukan dalam konteks kehidupan ini.

Justeru itu, tugas untuk memakmurkan masjid adalah merupakan satu tugas dan amanah yang cukup besar. Ianya hanya untuk orang yang bertanggungjawab sahaja mampu melakukannya. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah at-Taubah, ayat ke-18 yang bermaksud:

“ Sesungguhnya yang memakmurkan masjid Allah hanyalah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta tetap melaksanakan solat, dan menunaikan zakat dan tidak takut kepada sebarang perkara kecuali Allah. Maka yang demikian mudah-mudahan mereka termasuk orang yang mendapat pertunjuk-Nya.” (Surah at-Taubah: 18)

Ayat ini jelas menyatakan bahawa seseorang yang memakmurkan masjid adalah orang yang menjaga keimanannya kepada Allah SWT dan hari akhirat di samping menjaga tuntutan rukun Islam.

### **Tuntutan Mengimarahkan Masjid dalam Al-Quran dan As-Sunnah**

Di dalam mengimarahkan masjid mestilah mempunyai dalil-dalil tuntutan yang secara jelas atau bersandarkan kepada perintah daripada Allah SWT dan melalui pertuturan, perbuatan atau ikrar yang berlandaskan daripada Rasulullah S.A.W. Antaranya;

Al-Quran telah menerangkan secara jelas bahawa terdapat ayat-ayat yang mengandungi pengklasifikasian orang-orang yang sepatutnya memakmurkan dan orang-orang yang tidak sepatutnya memakmurkannya. Antara dalil yang berkaitan iaitu firman Allah SWT dalam surah at-Taubah, ayat ke-17 yang bermaksud:

“Tidaklah layak bagi orang-orang musyrikin memakmurkan masjid Allah, padahal dalam masa yang sama mereka mengakui mereka sendiri adalah kafir. Amal perbuatan mereka adalah sia-sia dan mereka kekal di dalam api neraka.” (Surah at-Taubah: 17)

Selain itu, di sebalik ayat ini juga mempunyai kesinambungan ayat yang menjelaskan terhadap golongan-golongan yang memakmurkan atau menghidupkan masjid dengan istiqamah dan mempunyai sifat-sifat yang terpuji untuk melakukan perkara tersebut. Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah, ayat ke-18 yang bermaksud:

“Sesungguhnya yang memakmurkan masjid Allah hanyalah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta tetap melaksanakan solat, dan menunaikan zakat dan tidak takut kepada sebarang perkara kecuali Allah. Maka yang demikian mudah-mudahan mereka termasuk orang yang mendapat petunjuknya.” (Surah at-Taubah: 18)

Di samping itu, Allah SWT juga telah menurunkan perintah ke atas umat Islam supaya memakmurkan masjid dengan mempunyai perasaan mensyukuri, mengingati dan mengabdikan diri-Nya. Ayat ini telah termaktub dalam firman Allah SWT, surah an-Nur ke-36 sehingga 37 yang bermaksud:

“Bertasbih kepada Allah di masjid-masjid yang telah diperintah untuk dimuliakan dan disebut nama-Nya pada waktu pagi dan petang. Di sana terdapat orang yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan jual beli daripada mengingati Allah, mereka sentiasa melaksanakan solat, menunaikan zakat. Mereka adalah golongan yang takut kepada hari pembalasan (hari Kiamat) ketika hati dan penglihatan menjadi goncang.” (Surah an-Nur: 36-37)

Seterusnya, ianya terdapat ayat yang menerangkan bahawa Allah SWT telah menyuruh kepada hambanya untuk memperbetulkan niat dalam memakmurkan masjid dengan hanya mencari

keredaan di sisi Allah SWT. Antara dalilnya ialah firman Allah SWT dalam surah al-Jin, ayat ke-18 yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya masjid-masjid itu adalah hak untuk Allah. Maka, janganlah kamu menyembah apa pun di dalamnya selain Allah.”  
(Surah al-Jin: 18)

Demikian itu, ayat al-Quran juga telah menjelaskan bahawa Allah SWT hanya menerima amal perbuatan bagi hamba-Nya yang menghidupkan atau memakmurkan masjid dengan adanya ketakwaan dalam diri tersebut. Sebagaimana telah termaktub dalam surah at-Taubah ayat ke-108 sehingga ke-109 yang bermaksud:

“Sesungguhnya masjid yang diasaskan atas dasar taqwa (masjid Quba’) sejak hari pertama adalah lebih patut kamu bersolat di dalamnya. Di dalamnya terdapat orang-orang yang ingin membersihkan diri. Dan Allah menyukai orang-orang yang bersih. Maka apakah orang-orang yang mendirikan masjid di atas dasar taqwa dan keredhaan Allah itu yang baik?”

(Surah at-Taubah: 108-109)

Menurut tuntutan sunnah, satu perkara atau perbuatan yang amat dituntut atau digalakkan oleh Rasulullah s.a.w bagi memakmurkan masjid sama ada membangunkan atau menghidupkannya yang mana mempunyai banyak riwayat-riwayat Hadith yang berkaitan telah disampaikan oleh para sahabat Rasulullah SAW dan perawi hadith yang terkenal. Hadith riwayat Imam Muslim yang bermaksud:

“Dan setiap kali segolongan kaum berkumpul di rumah daripada rumah-rumah Allah (masjid), membaca al-Quran, dan bertadarus di kalangan mereka, nescaya diberikan ketenangan dan mereka dicucuri rahmat.”  
(Riwayat Muslim)

Selain itu, terdapat hadith yang menjelaskan bahawa jika seseorang yang membina sebuah masjid kerana Allah SWT, dia akan diberikan ganjaran pahala yang amat besar sehingga disediakan sebuah mahligai kepadanya di Syurga kelak. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Barang siapa yang membina masjid kerana mengharap keredaan Allah, maka Allah akan membangunkan pula untuknya sebuah mahligai di Syurga.”  
(Riwayat Bukhari)

Terdapat hadith lain yang berkaitan dengan membina sebuah masjid menghidupkan perbuatan yang mendapat manfaat seperti majlis ilmu, zikir dan sebagainya akan disediakan dengan syurga demikiannya. Hadith riwayat Imam Ibnu Majah yang bermaksud:

“Barang siapa yang membina masjid yang di dalamnya menyebut nama-nama Allah, maka Allah akan membina baginya mahligai di Syurga.”  
(Riwayat Ibnu Majah)

Seterusnya, hadith riwayat Imam at-Tirmidzi, telah menerangkan bahawa orang yang menghidupkan masjid sebagai tempat amal ibadat yang melaksanakan secara khusus atau umum adalah mereka yang memakmurkannya, bahkan dirinya dan hatinya terikat kepada masjid semasa hayatnya, itulah adalah petanda orang yang beriman kepada Allah SWT.

“Rasulullah SAW telah bersabda: Apabila kamu melihat seorang lelaki yang sentiasa berulang-alik ke masjid , maka hendaklah kamu bersaksi bahawa dia adalah orang yang beriman.”  
(Riwayat Imam at-Tirmidzi)

## SEJARAH PERKEMBANGAN DALAM MENGIMARAHKAN MASJID

Penyelidik akan menerangkan berkaitan dengan sejarah atau tawarikh perkembangan dalam mengimarahkan masjid pada permulaan zaman kemunculan Islam, yang mana agama Islam yang dipayungi oleh junjungan besar iaitu nabi Muhammad SAW yang diikuti oleh para *ahlul bayt*, sahabat-sahabat, *tabi'* dan *tabi'in* yang sentiasa memakmurkan keindahan masjid dan umat Islam.

Demikian itu, ianya adalah satu perkara yang tidak asing lagi dalam fasa ini bagi menerangkan fakta-fakta sejarah yang dikaji oleh penulis. Antara peringkat atau fasa yang mengikut peredaran zaman yang bermula dari zaman Rasulullah S.A.W sehingga halal para sahabat yang menjadikan sebuah masjid sebagai sebuah komuniti umat Islam yang melibatkan pelbagai aspek seperti sosial dan ekonomi.

### Zaman Rasulullah S.A.W

Fungsi atau peranan dalam pengimarahanaan masjid pada zaman baginda Rasulullah s.a.w adalah luas sehingga meliputi pelbagai perkara. Hal ini kerana, masjid bukan hanya dikhususkan sebagai tempat solat dan ibadat semata-mata. Malah, ianya berperanan sebagai pusat pentadbiran kerajaan, pusat komuniti umat Islam dan lebih lagi menjadi markas pentadbiran tentera-tentera Islam pada ketika itu.

Menurut pandangan Nik Mohd Azmi Daud (2019), Rasulullah s.a.w juga telah meletakkan peranan masjid sebagai pusat yang terunggul dalam menyelesaikan permasalahan masyarakat umat Islam. Baginda juga merupakan nadi pencetus kepada konsep pengimarahanaan masjid supaya diteruskan oleh para sahabat-sahabatnya. Jika dilihat dari sudut membangunkan masjid, baginda adalah orang yang pertama dalam kalangan bangsa Arab Quraisy yang menyumbang idea dengan membina sebuah masjid pertama dalam peristiwa penghijrahan nabi Muhammad SAW dan kaum Muslimin, iaitu Masjid Quba' pada tahun ke-13 kenabian dan tahun pertama dalam Hijrah.

Terdapat sebuah riwayat hadith yang menyatakan bahawa orang-orang buta juga wajib mengunjungi masjid sekiranya ia terdengar panggilan azan yang bermaksud:

“Daripada Abu Hurairah r.a berkata: “Telah datang nabi S.a.w seorang yang buta, lalu ia berkata: “Y a Rasulullah, sesungguhnya saya tidak mempunyai tukang pimpin untuk memimpin saya ke masjid, maka Baginda memberi kelonggaran baginya, tetapi setelah ia berpaling (hendak) pergi, beliau dipanggil lagi, lalu bertanya: ‘Adakah engkau mendengar azan untuk solat? ’ lalu lelaki itu menjawab, ‘Ya’. Sabda Rasulullah S.a.w: ‘Kalau begitu, hendaklah engkau datang ke masjid.’” (Riwayat Bukhari)

Berdasarkan penjelasan hadith ini membuatkan para sahabat begitu menghormati dan menghayati kelebihan solat dan melakukan aktiviti di dalam masjid. Sehingga ada di antara mereka yang sanggup mengulangi solat kerana kelebihan (fadilat) pahala sebanyak 27 kali darjatnya apabila tidak sempat solat secara berjemaah.

Rasulullah SAW telah menjamin syurga bagi orang yang memakmurkan masjid. Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud:

“Barang siapa yang masuk ke dalam masjid-(Ku) ini untuk mengajar kebaikan atau (mencari ilmu), maka ia bagaikan orang yang berjuang menegakkan agama Allah.”

(Riwayat Ibnu Majah)

Para sahabat juga pernah memohon untuk tinggal berdekatan dengan masjid tetapi tidak diizinkan oleh baginda Rasulullah SAW. Rasulullah SAW juga menyatakan kelebihan orang

yang berjalan kaki ke masjid, terdapat sumber hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Abu Hurairah r.a, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda maksudnya:

“Solat berjemaah masjid, ganjarannya melebihi daripada solat di rumah atau di kedai sebanyak 25 kelebihan. Sesungguhnya sesiapa yang daripada kamu apabila mengambil wuduk dengan sempurna dan mendatangi masjid kerana hendak mengerjakan solat, maka setiap langkah yang dilangkahinya akan mendapat satu ganjaran daripada Allah SWT dan menghapus daripadanya satu dosa sehingga dia memasuki masjid. Apabila memasuki masjid maka dia akan diberikan ganjaran dan para Malaikat akan berselawat ke atasnya selagi dia berada dalam solatnya. Mereka berdoa, Ya Allah! Berikanlah keampunan kepadanya. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat-Mu ke atasnya.”  
(Riwayat Bukhari)

### Zaman Sahabat R.A

Pada zaman tersebut maka bermulalah penyebaran syiar agama Islam semakin meluas dari segi kawasan kota tanah jajahan yang ditakluki oleh penguasa-penguasa Islam yang dituruti oleh para Khulafa’ ar-Rasyidin iaitu; Saidina Abu Bakar R.A, Saidina Umar al-Khattab R.A, Saidina ‘Uthman bin Affan R.A dan diakhiri oleh Saidina Ali Bin Abi Talib R.A. Maka, dengan perluasan tanah jajahan empayar Islam ketika itu membuka kepada sinaran cahaya Islam yang bukan sahaja kepada bangsa Arab sahaja, bahkan, ianya tersebar meluas kepada bangsa bukan Arab (al-‘Ajam) seperti bangsa Parsi, Romawi, Turk, dan juga Barbar (Afrika Utara).

Menurut pandangan Makhmud as-Syafiee’ (2014), semasa para penguasa empayar Islam Khulafa’ ar-Rasyidin juga bukan sahaja berperang demi keluasan tanah jajahan kerajaan, akan tetapi ianya juga berdakwah serta meninggalkan kesan-kesan Islamisasi dalam sesebuah negeri kota tersebut. Antaranya, para penguasa Islam akan membina atau memulihkan masjid di dalam kota tersebut bagi bertujuan ianya menjadikan gerbang pusat Islam bagi wilayah tersebut. Sebagai contoh, pada zaman Khalifah Umar Bin al-Khattab R.A. ketika peristiwa peperangan tentera Islam dan tentera Romawi di Kota BaitulMaqdis (Jerussalem), Palestine yang diakhiri kemenangan berpihak kepada tentera-tentera Islam yang menawan semula kota tersebut daripada musuh-musuh Islam.

Intipatinya, dalam mana-mana wilayah tanah jajahan Islam akan adanya masjid mempunyai perbezaan budaya atau adatnya daripada segi binaan reka bentuk dan juga keluasan tapak yang berlainan. Hal ini kerana, persekitaran masjid akan berbeza daripada masa ke masa daripada segi reka bentuknya dan keluasan tapak tersebut Menurut pendapat Nik Azmi Mohd Daud (2019), pada zaman pemerintahan Khalifah Umar Bin al-Khattab R.A memperluaskan kawasan Masjidil al-Haram pada tahun ke-17 hijrah. Ini menunjukkan bahawa ‘rumah Allah’ adalah satu perkembangan yang amat besar dalam dunia Islam pada zaman ketika itu.

Namun begitu, daripada segi peranan serta fungsi mengimarahkan masjid tidaklah berubah pada zaman tersebut, akan kerana para sahabat akan sentiasa meneruskan legasi kemakmuran masjid sepertimana dibawa oleh Rasulullah S.A.W. Secara amnya, ketika zaman sahabat mereka masih mengekalkan fungsi-fungsi masjid tersebut (Makhmud as-Syafiee’, 2014);

1. Keagamaan yang sering dijalankan oleh para kariah atau masyarakat Islam pada zaman tersebut seperti solat, zikir, berdoa dan beriktikaf.
2. Hubungan sosial di antara masyarakat Islam yang dijadikan sebagai pusat perhubungan komuniti seperti, majlis-majlis ilmu serta pengajian dan pengumpulan hadith.
3. Politik daripada pemerintah Islam yang dijadikan sebagai pusat kerajaan atau pentadbiran Islam dan tertubuhnya platform jabatan-jabatan kerajaan yang disediakan seperti Jabatan Kehakiman ketika waktu pemerintahan Khalifah Umar R.A.

### **Pengimaranan masjid di Malaysia**

Terdapat beberapa kajian terdahulu berkaitan dengan pengimaranan masjid di Malaysia. Hal ini, masjid merupakan satu aspek kejayaan dalam perkembangan agama Islam, bahkan adanya pembinaan masjid di setiap daerah dan negeri dalam Malaysia. Namun begitu, ada sebahagian masyarakat Islam berjaya merealisasikan kemakmuran dan mengimarahan masjid di kawasan mereka. Antaranya;

### **Pengalaman dalam bidang sosial**

Ada sebahagian kariah masjid yang memakmurkan masjid menjadikan sebagai tempat melahirkan individu-individu dalam bidang keagamaan seperti program-program tafhib. Program ini bersesuaian dengan masjid dijadikan sebagai pusat penyebaran Islam sebagaimana yang dilakukan pada zaman Rasulullah SAW. Masjid juga turut berfungsi sebagai tempat mendidik masyarakat agar dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan sehari-hari supaya batas-batas agama dapat difahami.

Sepertimana menurut kajian dari Muhd Nizho Abd. Rahman (2019), kajian ini menyelidik kegiatan masjid di Masjid Bandar Seri Putra, Bangi yang merupakan salah satu masjid yang boleh dicontohi konsep pengimaranannya. Hal ini kerana, masjid ini sentiasa mempunyai bilangan kehadiran kariah yang ramai serta masjid ini telah menerima sebagai anugerah masjid terbaik di negeri Selangor pada tahun 2017. Bahkan, pendapatan mingguannya melalui kutipan tabung pada Hari Jumaat telah mencencah jumlah sebanyak RM 20 ribu. Para pegawai masjid tersebut memanfaatkan pendapatan masjid melalui konsep pengimaranan masjid dengan mengambil kira dari segi dalaman atau luaran hal ehwal masjid.

Situasi kemeriahan dalam hubungan sosial di antara para kariah dan masjid pula dikejutkan dengan perkhabaran berita melalui sumber petikan akhbar tempatan pada tahun 2019 berkaitan dengan pengimaranan masjid di Masjid Taman Temerloh Jaya, Temerloh, Pahang Darul Makmur. Perkhbaran ini menjadi tumpuan masyarakat khususnya orang-orang Islam seluruh negara yang mana menyaksikan bahawa masjid itu sering dikunjungi oleh ramai sama ada penduduk tempatan dan pelawat dari luar negeri.

Difahamkan juga petikan daripada akhbar menjelaskan iaitu Pengerusi Masjid Taman Temerloh Jaya, Dr. Abdullah Ismail berkata;

“Sejak berita perkhabaran berkaitan masjid itu tular, pihaknya menerima kunjungan pelawat dari luar Pahang selain pertubuhan dari seluruh negara yang mahu mengetahui rahsia kejayaan masjid tersebut.” Tambahnya lagi, “ kebanyakan pelawat masjid sentiasa memenuhi ruangan solat bagi menunaikan solat secara berjemaah.”

Berdasarkan pernyataan petikan tersebut ini menunjukkan bahawa fungsi dan peranan para kariah dan juga pegawai-pegawai masjid memainkan peranan yang amat penting dalam memakmurkan dan mengimarahan masjid tersebut.

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa setiap masjid berperanan menyediakan segala keperluan dan kepentingan kepada para kariah masjid yang berada di persekitarannya. Bahkan, mereka juga tidak ketinggalan menggunakan teknologi yang ada seperti aplikasi e-masjid, ‘whatsapp’, Internet dan laman sesawang masjid bagi tujuan menyampaikan mesej yang berguna kepada masyarakat.

### **Pengalaman dalam bidang ekonomi**

Masjid turut berperanan sebagai pusat membantu golongan miskin dan susah yang layak menerima bantuan sama ada mingguan mahupun bulanan. Ianya diambil daripada sumbangan orang ramai dan melalui penjanaan ekonomi yang dirancang dengan baik oleh mereka seperti penyediaan koperasi masjid, peralatan kahwin, katering, dewan makan dan lain-lain keperluan

yang mampu memenuhi impian serta hasrat masyarakat. Menurut kajian Solahuddin Abd. Hamid (2019), salah satu masjid di kawasan luar bandar seperti Masjid Kampung Tanjung Besar, Kuala Lipis seperti apa yang telah dinyatakan sebelum ini berperanan mengimarahkannya dengan mewujudkan koperasi yang mengelola ladang tebu dan sawit bagi menjana pendapatan kepada masjid tersebut.

Manakala kajian Mohd Sobhi Ishak (2019) di Masjid Taman Temerloh Jaya juga melaksanakan konsep pengimarahuan masjid tersebut melalui bidang ekonomi dengan menjana pendapatan melalui projek air minuman bersih iaitu ‘*mineral water*’ (Air Gau) dan pihak pengurusan masjid juga telah menyediakan dewan serba guna yang bersebelahan masjid dijadikan sebagai tempat penyewaan bagi melakukan aktiviti-aktiviti luar masjid seperti majlis perkahwinan, hari keluarga dan mesyuarat. Hal ini kerana, ia menampakkan masjid ini mampu berperanan dalam menjana pendapatan sendiri tanpa bergantung kepada pihak lain.

Oleh yang demikian, masjid yang lain boleh mengambil contoh dan tauladan daripada masjid-masjid yang terpilih sebagai panduan bagi mengerakkan serta mengimarahkannya seiring dengan konsep Imarah yang mesti difahami secara meluas. Ianya akan mendatangkan manfaat kepada umat Islam itu sendiri sama ada dari sudut spiritual mahupun material. Firman Allah Taala dalam surah al-Hajj, ayat ke-32 maksudnya:

“Siapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah (dialah orang bertakwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat takwa hati orang mukmin.”

(Surah al-Hajj: 32)

Kesimpulannya, masyarakat Islam pada hari ini perlu sedar dan memahami fungsi dan peranan masjid dalam membangunkan ummah itu sendiri. Pihak yang berwajib juga perlu menyediakan garis panduan yang sebenar berkaitan pengimarahuan masjid seperti berlaku pada zaman silam. Sikap hanya melihat kepada amalan lazim atau yang menjadi kebiasaan setempat bagi memakmurkan masjid perlu dikikis daripada diri umat Islam umumnya dan para pegawai yang dilantik khususnya. Hal ini kerana, tidak terdapat sebarang faedah dan pulangan yang baik kepada umat Islam itu sendiri kecuali memahami tentang konsep mengimarahkan masjid yang benar bagi menjayakan matlamat dunia dan ukhrawi. Justeru, memakmurkan masjid adalah satu tuntutan dan kemestian terhadap umat Islam agar limpahan keberkatan hidup itu dapat dirasai di dunia ini dan di akhirat nanti.

## **DAPATAN KAJIAN TERHADAP PENGIMARAHAN MASJID DALAM KALANGAN AHLI KARIAH DI MASJID TAMAN BUKIT BENDERA, MENTAKAB, PAHANG DARUL MAKMUR**

Analisis kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif ketiga iaitu mengkaji terhadap masyarakat Islam atau ahli kariah Masjid Taman Bukit Bendera dalam penglibatan kepada aktiviti pengimarahuan masjid dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh ahli kariah masjid ini. Ia akan dimulakan dengan membincangkan berkaitan demografi responden.

### **Demografi Responden**

Dalam kajian ini juga dinyatakan keadaan demografi responden termasuklah jantina, umur, taraf perkahwinan dan jarak kedudukan lokasi. Adalah penting bagi menjelaskan latar belakang responden dan boleh ubah. Pemboleh ubah lazimnya dalam bentuk yang boleh diukur, dinilai dan dilaporkan secara bertulis semasa kajian. Bagi mendapatkan maklumat kajian ini dilakukan melalui responden iaitu ahli kariah Masjid Taman Bendera yang mana terdiri daripada golongan belia, dewasa, dan warga emas yang telah diperoleh berdasarkan kajian pensampelan yang telah dijalankan.

Jumlah keseluruhan responden telah dikumpulkan dengan sebanyak 60 orang dalam masa kajian selama enam minggu. Di mana keseluruhan jumlah responden ini adalah berdasarkan penetapan daripada penulis yang mengkhususkan terhadap jumlah bilangan responden di Masjid Taman Bukit Bendera. Masjid ini telah didaftarkan dengan pihak Jabatan Agama Islam Pahang sebagai masjid yang sentiasa melaksanakan aktiviti teras seperti solat fardu pada setiap waktu dan lain-lain aktiviti kemasyarakatan.

### **Jantina**

Jadual 1: Jantina Responden

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus %</b>
Lelaki	34	56.7
Perempuan	26	43.3
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>60</b>	<b>100.0</b>

Jadual 1 ini menunjukkan terhadap dapatan kajian demografi iaitu jantina responden. Responden lelaki telah mencatat dengan bilangan seramai 34 orang responden (56.7%) dan bagi pihak wanita adalah seramai 26 orang responden (43.3%). Kebanyakan mereka yang sentiasa mengunjungi ke masjid adalah kaum lelaki berbanding dengan kaum perempuan. Manakala, kaum perempuan yang mengunjungi ke masjid adalah ditemani oleh mahram masing-masing.

### **Umur**

Jadual 2: Umur Responden

<b>Umur</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus %</b>
18-25	8	13.3
26-40	17	28.3
41-60	21	35.0
61 dan ke atas	14	23.3
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>60</b>	<b>100.0</b>

Jadual 2 menunjukkan bagi umur responden. Responden seramai 8 orang dengan peratusan (13.3%) yang mana ianya terdiri daripada bermula golongan belia yang berumur 18 sehingga 25 tahun, responden golongan dewasa atau yang berumur 26 sehingga 40 tahun seramai 17 orang (28.3%), begitu juga responden dewasa yang berumur 41 sehingga 60 tahun seramai 21 orang (35.0%) dan responden bagi warga emas berumur 61 dan ke atas seramai 14 orang (23.3%) sahaja. Secara keseluruhan responden dipilih terdiri daripada golongan belia, dewasa dan warga emas yang mengunjungi masjid di Masjid Taman Bukit Bendera, Mentakab.

### **Taraf Perkahwinan**

Jadual 3: Taraf Perkahwinan

<b>Taraf Perkahwinan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus %</b>
Bujang	21	35.0
Berkahwin	23	38.3
Duda / Janda	16	26.7
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>60</b>	<b>100.0</b>

Jadual 3 menunjukkan bagi taraf perkahwinan responden. Kajian ini didapati bahawa responden yang berkahwin adalah merupakan bilangan yang tinggi berbanding bujang dan duda atau janda. Dengan bilangan seramai 23 orang (38.3%) sahaja. Selain itu, bagi golongan bujang dengan bilangan seramai 21 orang (35.0%) dan golongan duda atau janda dengan seramai 16 orang (26.7%) sahaja.

### **Jarak Lokasi**

Jadual 4: Jarak Lokasi Responden Dengan Masjid

<b>Jarak Lokasi</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus %</b>
1-2 Kilometer	24	40.0
3-4 Kilometer	19	31.7
5 Kilometer ke atas	17	28.3
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>60</b>	<b>100.0</b>

Jadual 4 menunjukkan bagi jarak lokasi responden dengan masjid Taman Bukit Bendera. Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan responden ahli kariah Masjid Taman Bukit Bendera mempunyai jumlah yang tinggi yang mana kedudukan jarak rumah 1 sehingga 2 kilometer jumlah kekerapan dan peratusan seramai 24 orang (40.0%). Selain itu, bagi responden yang rumahnya yang berjarak 3 sehingga 4 kilometer berjumlah kekerapan dan peratusan seramai 19 orang (31.7%). Manakala, jumlah kekerapan dan peratusan paling rendah ialah 5 kilometer dan ke atas dengan jumlah seramai 17 orang (28.3%), akan kerana terdapat kajian daripada responden bukan berasal daripada ahli kariah Taman Bukit Bendera.

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **Persepsi ahli kariah dalam melakukan aktiviti mengimarahkan masjid**

Jadual 5: Bilangan peratusan persepsi ahli kariah dalam mengikuti perjalanan kuliah agama dan aktiviti-aktiviti keagamaan dan kebajikan masyarakat.

<b>Perkara</b>	<b>Sangat Setuju</b>	<b>Setuju</b>	<b>Tidak Pasti</b>	<b>Tidak Setuju</b>	<b>Sangat Tidak Setuju</b>	<b>Kekerapan (Peratus %)</b>
<b>B1</b>	21 (35.0%)	32 (53.3%)	7 (11.7%)	-	-	60 (100.0)
<b>B2</b>	19 (31.7%)	24 (40.0%)	17 (28.3%)	-	-	60 (100.0)
<b>B3</b>	19 (31.7%)	32 (53.3%)	9 (15.0%)	-	-	60 (100.0)
<b>B4</b>	12 (20.0%)	20 (33.3%)	28 (46.7%)	-	-	60 (100.0)
<b>B5</b>	14 (23.3%)	24 (40.0%)	16 (26.7%)	6 (10.0%)	-	60 (100.0)

Berdasarkan Jadual 5 di atas, B1 menunjukkan bahawa 21 responden (35.0%) sangat bersetuju dengan kenyataan perjalanan kelas agama dirancang dengan baik. Manakala 32

responden (53.3%) bersetuju dan hanya sedikit sahaja responden memilih tidak pasti. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pihak pengurusan masjid Taman Bukit Bendera telah berjaya merancang perjalanan kelas agama dengan baik. Mengenai B2 perjalanan kelas agama mengikuti jadual yang telah ditetapkan dengan jumlah 19 responden (31.7%) menyatakan sangat bersetuju. Manakala, 24 responden (40.0%) bersetuju dan sebahagian yang lain 17 responden (28.3%) memilih tidak pasti. Dengan ini membuktikan bahawa pihak masjid berjaya menyusun jadual perjalanan kelas agama dengan teratur.

Selain itu, mengikut kepada B3 menunjukkan bahawa 32 responden (53.3%) bersetuju dengan kuliah dan ceramah agama mingguan diadakan. Manakala, terdapat seramai 19 responden (31.7%) yang sangat bersetuju dan sebahagian sedikit 9 responden (15.0%) dengan memilih tidak pasti. Kajian ini membuktikan bahawa aktiviti kuliah atau ceramah agama mingguan juga berjaya menarik minat ramai ke atas para ahli kariah Masjid Taman Bukit Bendera dalam menyertainya. Seterusnya, B4 telah menunjukkan bahawa gotong royong-perdana kerap diadakan di masjid dengan jumlah sangat bersetuju ialah 12 responden (20.0%), bagi bersetuju 20 responden (33.3%) dan 28 responden (46.7%) tidak pasti. Oleh itu, kajian ini didapati bahawa gotong-royong perdana yang dijalankan oleh pihak masjid berkemungkinan jarang diadakan.

Di samping itu, berdasarkan B5 menunjukkan bahawa pihak masjid kebiasaannya pada setiap bulan Ramadhan akan mengadakan program *Ihya'* Ramadhan di masjid Taman Bukit Bendera dengan sambutan yang agak menggalakkan. Kajian ini bahawa seramai 14 responden (23.3%) sangat bersetuju, terdapat juga sebahagian 24 responden (40.0%) bersetuju, tidak pasti dengan seramai 16 responden (26.7%) dan ada sebahagian sedikit daripada mereka memilih tidak setuju dengan jumlah seramai 6 responden (10.0%).

### **Peratusan Bagi Responden Yang Bersetuju**

Jadual 6: Peratusan Bagi Responden Yang Bersetuju bagi persepsi ahli kariah dalam mengikuti perjalanan kuliah agama dan aktiviti-aktiviti keagamaan dan kebajikan masyarakat.

Perkara	Kekerapan	Peratus %
<b>B1</b>	53	83.3
<b>B2</b>	43	71.7
<b>B3</b>	51	85.0
<b>B4</b>	32	53.3
<b>B5</b>	38	63.3
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>60</b>	<b>100.0</b>

Jadual 6 menunjukkan bahawa peratusan bagi responden yang bersetuju bagi persepsi ahli kariah dalam mengikuti perjalanan kuliah agama dan aktiviti-aktiviti keagamaan dan kebajikan masyarakat. Hasil kajian ini berdasarkan soalan soal selidik yang telah dibuat. Oleh itu, hasil peratusan bilangan yang tinggi ialah B1 dengan jumlah kekerapan 53 orang bersamaan peratusan iaitu 88.3%. Selain itu, peratusan yang bersetuju yang mempunyai bilangan yang rendah adalah pada B4 dengan jumlah kekerapan seramai 32 orang bersamaan peratusan iaitu 53.3%.

### **Persepsi ahli kariah masjid terhadap pengurusan Masjid Taman Bukit Bendera**

Jadual 7: Bilangan kekerapan ahli kariah masjid terhadap pengurusan Masjid Taman Bukit Bendera

Perkara	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju	Kekerapan (Peratus %)
<b>B6</b>	22 (36.7%)	24 (40.0%)	14 (23.3%)	-	-	60 (100.0)
<b>B7</b>	18 (30.0%)	21 (35.0%)	13 (21.7%)	8 (13.3%)	-	60 (100.0)
<b>B8</b>	15 (25.0%)	27 (45.0%)	12 (20.0%)	6 (10.0%)	-	60 (100.0)
<b>B9</b>	20 (33.3%)	23 (38.3%)	11 (18.3%)	6 (10.0%)	-	60 (100.0)
<b>B10</b>	18 (30.0%)	19 (31.7%)	12 (20.0%)	8 (13.3%)	3 (5.0%)	60 (100.0)

Jadual 7, berdasarkan B6 merujuk kepada masjid mestilah diurus dengan baik dan teratur dengan jumlah seramai 22 responden (36.7%) sangat bersetuju, 24 responden (40.0%) bersetuju dan ada sebahagian seramai 14 responden (23.3%) memilih tidak pasti. Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa masjid telah diuruskan dengan baik oleh para pegawai masjid dan ahli jawatankuasanya. Selain itu, merujuk perkara B7 iaitu pihak masjid menyediakan kemudahan khas kepada orang kurang upaya dengan jumlah kekerapan bagi seramai 18 responden (30.0%) sangat setuju, 21 responden (35.0%) setuju, 13 responden (21.7%) tidak pasti dan 8 responden (13.3%) tidak setuju.

Selain itu, perkara B8 merujuk kepada kutipan tabung derma masjid khas untuk membantu aktiviti mengimarahkan masjid dengan jumlah seramai 15 responden (25.0%) sangat bersetuju, 27 responden (45.0%) setuju, 12 responden (20.0%) tidak pasti dan 6 responden (10.0%) tidak setuju. Kajian ini menunjukkan bahawa dengan kutipan tabung derma yang banyak dapat membantu bagi pihak masjid menangani lebih banyak aktiviti mengimarahkan masjid di Masjid Taman Bukit Bendera.

Seterusnya, perkara B9 merujuk berkenaan aduan kerosakan peralatan-peralatan di dalam dan di luar masjid dengan jumlah kekerapan seramai 20 responden (33.3%) sangat bersetuju, 23 (38.3%) setuju, 11 responden (18.3%) tidak pasti dan 6 responden (10.0%) tidak setuju. Kajian ini menjelaskan bahawa aduan-aduan terhadap kerosakan peralatan-peralatan masjid amatlah mengambil berat dalam pengurusan masjid tersebut. Perkara B10 merujuk kepada pihak masjid kurang mengadakan program khas bagi menarik minat golongan remaja ke masjid. Dengan kajian ini didapati bahawa 18 responden (30.0%) sangat setuju, 19 responden (31.7%) setuju, 12 responden (20.0%) tidak pasti dan ada sebahagian responden iaitu 8 orang (13.3%) tidak setuju dan 3 lagi responden (5.0%) sangat tidak setuju.

### Peratusan Bagi Responden Yang Bersetuju

Jadual 8: Jumlah peratusan yang bersetuju bagi ahli kariah masjid terhadap pengurusan Masjid Taman Bukit Bendera.

Perkara	Kekerapan	Peratus %
<b>B6</b>	46	76.7
<b>B7</b>	39	65.0
<b>B8</b>	42	70.0
<b>B9</b>	43	71.6
<b>B10</b>	37	61.7
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>60</b>	<b>100.0</b>

Jadual 8 merujuk kepada jumlah peratusan responden yang bersetuju bagi ahli kariah masjid terhadap pengurusan Masjid Taman Bukit Bendera. Hasil kajian ini didapati bahawa peratusan yang tinggi bagi responden yang bersetuju adalah B6 mempunyai bilangan kekerapan seramai 46 orang dengan peratusan (76.7%). Selain itu, hasil kajian didapati bahawa peratusan bersetuju yang rendah adalah B10 dengan jumlah kekerapan seramai 37 orang dengan peratusan iaitu (61.7%).

### Persepsi ahli kariah masjid terhadap penceramah (guru agama)

Jadual 9: Bilangan kekerapan ahli kariah masjid terhadap penceramah (guru agama).

Perkara	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju	Kekerapan (Peratus %)
<b>B11</b>	21 (35.0%)	24 (40.0%)	15 (25.0%)	-	-	60 (100.0)
<b>B12</b>	20 (33.3%)	23 (38.3%)	17 (28.3%)	-	-	60 (100.0)
<b>B13</b>	19 (31.7%)	28 (46.7%)	13 (21.7%)	-	-	60 (100.0)
<b>B14</b>	16 (26.7%)	21 (35.0%)	14 (23.3%)	9 (15.0%)	-	60 (100.0)
<b>B15</b>	-	21 (35.0%)	26 (43.3%)	13 (21.7%)	-	60 (100.0)

Jadual 9 merujuk kepada perkara B11 yang menjelaskan bahawa penceramah agama sentiasa hadir mengikut jadual tugas mengajar yang telah ditetapkan di mana terdapat sebahagian mereka yang sangat bersetuju (21 responden) (35.0%), 24 responden (40.0%) setuju dan selainnya ialah 15 responden (25.0%) tidak pasti. Kajian membuktikan bahawa penceramah agama mempunyai disiplin yang agak tinggi dan amanah dalam menjalankan tugasnya.

Selain itu, perkara B12 merujuk kepada seorang penceramah menyampaikan ilmu dengan jelas atau mudah difahami. Kajian ini membuktikan bahawa responden mempunyai jumlah seramai 20 responden (33.3%) sangat bersetuju, 23 responden (38.3%) setuju dan

mempunyai 17 responden (28.3%) tidak pasti. Kajian ini menunjukkan bahawa penceramah mempunyai kemahiran serta kelayakan dalam mengajar kepada ahli kariah masjid.

Seterusnya, perkara B13 menunjukkan kepada penceramah memberi peluang pendengar bertanya soalan. Mengikut kepada kajian yang dilakukan jumlah kekerapan responden yang sangat setuju adalah seramai 19 responden (31.7%), 28 responden (46.7%) setuju dan 13 responden (21.7%) tidak pasti. Kajian ini membuktikan bahawa penceramah mempunyai berkebolehan dalam menjawab soalan daripada pendengar tersebut.

Demikian itu, perkara B14 merujuk kepada penceramah akan menggunakan alat bantuan pembelajaran (ABM) seperti Laptop dan Skrin LCD ketika sesi kuliah sedang berlangsung. Kajian ini menunjukkan bahawa 16 responden (26.7%) yang sangat bersetuju, 21 responden (35.0%) yang bersetuju, manakala 14 orang responden memilih tidak pasti (23.3%) dan 9 responden (15.0%) yang tidak setuju. Kajian ini membuktikan penceramah menggunakan kaedah alat bantuan pembelajaran (ABM) ketika sesi kuliah atau ceramah berlangsung dan ada kalanya penceramah lain tidak menggunakan alat bantuan tersebut.

Di samping itu, perkara terakhir iaitu B15 merujuk kepada kuliah digantikan pada hari lain sekiranya penceramah tidak dapat hadir. Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden memilih tidak pasti iaitu 26 responden (43.3.0%), berbanding jumlah 21 responden (35.0%) yang bersetuju dan 13 responden (21.7%) yang tidak bersetuju. Dalam kajian ini, adalah amat membimbangkan apabila seramai 26 responden tidak pasti terhadap penggantian kuliah oleh penceramah sekiranya penceramah tersebut tidak hadir. Ini dapat diandaikan bahawa pengurusan masjid lalai memaklumkan kepada ahli kariah atau sikap ahli kariah sendiri yang kurang peka terhadap aktiviti masjid berbentuk kuliah.

### **Peratusan Bagi Responden Yang Bersetuju**

Jadual 10: Jumlah peratusan yang bersetuju bagi persepsi ahli kariah masjid terhadap penceramah (guru agama).

Perkara	Kekerapan	Peratus %
<b>B11</b>	45	75.0
<b>B12</b>	43	71.6
<b>B13</b>	47	78.4
<b>B14</b>	37	61.0
<b>B15</b>	21	35.0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>60</b>	<b>100.0</b>

Jadual 10 merujuk kepada jumlah peratusan yang bersetuju bagi persepsi ahli kariah masjid terhadap penceramah (guru agama). Oleh itu, hasil kajian ini mendapat bahawa jumlah peratusan yang tinggi bagi responden yang bersetuju adalah B13 dengan jumlah kekerapan seramai 47 orang dan peratusannya iaitu (78.4%). Manakala, peratusan yang rendah bagi responden bersetuju adalah B15 dengan jumlah kekerapan seramai 21 orang dan peratusan iaitu (35.0%).

Kesimpulannya hasil kajian ini menunjukkan bahawa pihak masjid yang sistematik akan melaksanakan aktiviti atau program mengimarahkan masjid agar dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur. Ahli kariah Masjid Taman Bendera juga akan sentiasa mengikuti segala aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan Masjid Taman Bendera dalam mengimarahkan masjid. Oleh itu, pihak pengurusan masjid mestilah menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan oleh penduduk kawasan atau pihak Jabatan Agama Islam Pahang dan juga amanah yang telah diberi oleh Allah SWT ke atas mereka. Dengan

melaksanakan tanggungjawab tersebut secara ikhlas, maka institusi masjid akan sentiasa terpelihara dan dapat dilaksanakan dengan baik bagi masyarakat Islam khususnya di Taman Bukit Bendera, Mentakab, Pahang Darul Makmur.

## KESIMPULAN

Pada asasnya kajian ini bertujuan menganalisis peranan ahli kariah atau pun masyarakat Islam di Masjid Taman Bukit Bendera, Mentakab dalam penglibatan aktiviti-aktiviti pengimaranan masjid tersebut. Tujuan aktiviti-aktiviti dilakukan oleh pihak masjid adalah memupuk para kariah masjid bagi menghidupkan atau memakmurkan suasana imarah masjid supaya dapat ditonjolkan kepada masyarakat di luar sana. Pihak pengurusan masjid hendaklah memastikan maklumat aktiviti masjid dapat disalurkan dengan baik kepada masyarakat setempat. Ianya juga untuk memastikan pihak pengurusan masjid dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin agar pengimaranan masjid akan terlaksana dengan jayanya dan berterusan.

Pihak yang berkaitan disarankan mengambil tindakan proaktif serta efektif supaya konsep pengimaranan masjid di Masjid Taman Bendera dapat memberi reaksi positif dan sentiasa akan terus menyambung usaha-usaha kemajuan agama Islam yang produktif serta kian berkembang dengan mengikuti arus peredaran zaman. Kajian ini harus diteruskan dengan melibatkan masjid-masjid di daerah atau negeri lain. Adalah bersesuaian juga untuk melihat sejauh mana kesedaran dan sikap keprihatinan ahli kariah masjid dan masyarakat setempat terhadap aktiviti pengajian seperti kuliah agama, ceramah dan sebagainya.

Penemuan kajian ini, wajarlah penambahbaikan dilaksanakan bagi tujuan kelancaran ahli kariah dalam perjalanan aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan di dalam atau luar masjid. Contohnya mengadakan gotong royong di setiap persekitaran masjid. Berdasarkan kepada kajian ini mendapati bahawa pihak masjid jarang mengadakan aktiviti ini. Berkemungkinan juga disebabkan faktorkekangan masa atau komitmen kariah masjid untuk melibatkan diri. Selain itu, pengurusan masjid mestilah mempertingkatkan serta menyusun perancangan untuk menambahkan lagi aktiviti-aktiviti pengimaranan masjid sebagai contoh mengadakan program khas bagi golongan belia atau remaja bagi menarik minat ke masjid. Akan tetapi, masjid ini juga kurang mengadakan program khas untuk belia dan remaja. Oleh itu, pihak pengurusan masjid mestilah mengambil langkah yang efektif ke atas golongan tersebut dengan kerjasama di antara ahli kariah masjid yang berkeluarga.

## RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim*  
Abdullah Basmeih (2010). *Kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Asqalani, Ibnu Hajar (2016). *Kitab Fath' Al-Bari Fii Syarh' Sahih Al-Bukhari*. Beirut, Lebanon. Dar al-Fikr.
- Al-Bukhari dan Muhammad bin Ismail, (2015). *Kitab Sahih al-Bukhari, Jilid 1*. Beirut, Lebanon. Dar Fikr.
- Al-Tirmizi, Muhamad ibn Isa ibn Surah (1980). *Kitab Al-Jami' Al-Sahih Sunan Al-Tirmizi*. Beirut, Lebanon: Dar al-Fikr.
- Dr. Makhmud as-Syafie' (2014). *Masjid Dalam Perspektif Sejarah Dan Hukum Islam*. Universitas Nasional Indonesia.
- Dr. Teuku Iskandar (1996). *Kamus Dewan Edisi Empat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Sdn. Bhd.

- Ibn Majah, Muhammad Ibn Yazid al-Qazwayni (1974). *Kitab Sunan Ibn Majah Jilid 1. Maktabah Isa al-Babi al-Halabi*. Cairo, Egypt.
- Ibnu Manzur Muhammad Ibnu al-Mukarram (1990). *Kitab Lisān al-‘Arab, Jilid keempat*. Dar al-Sa’d. Beirut, Lebanon.
- Ismail Bin Abd. Manap (1998), *Peranan Masjid menurut Al-Sunnah: Tumpuan Utama Kepada Masjid-Masjid di Brunei Darussalam*. Disertasi Kajian Sarjana Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Sobhi Ishak (2019). *Kefahaman Tentang Konsep Pengimaranan Masjid Sebagai Institusi Islam: Pengalaman Terhadap Masjid Yang Terpilih Di Semenanjung Malaysia*. Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad ‘Abd Allah al-Zarkashi (1965). *Kitab Al-‘Alam al-Sajid bi Ahkam al-Masajid*. Maktabah Wahban, Kaherah, Mesir.
- Muhd Nizho Abdul Rahman (2019). *Kefahaman Tentang Konsep Pengimaranan Masjid Sebagai Institusi Islam: Pengalaman Terhadap Masjid Yang Terpilih Di Semenanjung Malaysia*. Universiti Utara Malaysia.
- N.M. Azmi N. Daud (2019), *The Mosque Founded On Taqwa*. Firdaus Press Sdn. Bhd, Selangor Darul Ehsan.
- Portal Rasmi Dewan Undangan Negeri Pahang. *Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Pahang*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Diterbitkan pada tahun 2017: <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/UndangBM/Pahang>
- Portal Rasmi Kamus Dewan Bahasa Melayu: Edisi Keempat. Diterbitkan pada tahun 2017: <http://prpm.dbp.gov.my/>
- Portal Rasmi Laman Web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Diterbitkan pada 5 Ogos 2015: <https://www.muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas>
- Portal Rasmi Sistem Pengurusan Masjid Negeri Pahang. Diterbitkan pada 15 Disember 2017: <https://masjid.pahang.gov.my/>
- Rashid Redza Bin Hj Md. Soleh (2006). *Pengimaranan Masjid di bulan Ramadan: Panduan Perlaksanaan*. Pembentangan Kertas Kerja Seminar Penghayatan Ramadan al-Mubarak Peringkat Negeri Melaka. Bandar Hilir, Melaka.
- Solahuddin Abdul Hamid (2019). *Kefahaman Tentang Konsep Pengimaranan Masjid Sebagai Institusi Islam: Pengalaman Terhadap Masjid Yang Terpilih Di Semenanjung Malaysia*. Universiti Utara Malaysia.
- Tuan Ahmad Zaki Haji Abd. Latif (2007). *Pentadbiran Masjid Secara Profesional*. Yayasan Islam Hadhari, Putrajaya.